

SKEMA SET 2

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

(i) bentuk

- lengkung, lentur
- penjodoh bilangan untuk barang yang melengkung
- bangun, rupa, perawakan
- cara, gaya, corak, susunan

pembentukan

- perihal (perbuatan, usaha, dsb)

(ii) korban

- amalan menghampirkan diri kepada Allah dengan menyembelih binatang ternakan pada 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya
- persembahan seperti haiwan atau manusia kepada dewa dalam pemujaan
- pemberian (kesanggupan melakukan atau menanggung sesuatu) sebagai tanda kebaktian / kasih
- (orang) yang menanggung penderitaan akibat sesuatu (perbuatan dll)

pengorbanan

- Perihal mengorbankan (berkorban)

(iii) pincang

- tempang (kaki atau jalannya), incut
- ada kekurangannya (cacatnya dll), tidak seimbang, tidak setimpal, tidak sebagai yang sepatutnya (keadaan dll)
- tidak tetap peraturan jalannya atau bunyinya

kepincangan

- perihal pincang
- keadaan yang tidak seimbang atau tidak sebagai yang sepatutnya, kekurangan, cacat cela

(6 markah)

(b) Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN)

- (i) FN + FA
- (ii) FN + FSN
- (iii) FN + FK
- (iv) FN + FSN
- (v) FN + FN

(vi) FN + FK

(6 markah)

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) unik – unit
bina – membina
- (ii) menuntun – menonton
dipetikkan – dipetik
- (iii) faksimili – faksimile
rasmi – perasmian

(6 markah)

(d) Dalam setiap ayat terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) daun-daun – daun
dilap – disapu
- (ii) senarai nama-nama – senarai nama
diterbitkan – dikeluarkan / diumumkan
- (iii) permohonan – bantahan
ialah - adalah

(6 markah)

(e) Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- (i) sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit
Makna :
Sabar mengerjakan sesuatu, lama-lama berhasil juga

Ayat :

Lima tahun dahulu , lading ternakan yang diusahakan oleh Encik Fazil hanya mempunyai lima ekor lembu sahaja tetapi diusahakannya **sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit** , kini di ladang itu sudah ada lebih dua ratus ekor lembu.

- (ii) bagai ikan pulang ke lubuk
Makna :
(a) orang yang pulang ke tempat asalnya

(b) hidup yang senang

Ayat :

Sudah lebih sepuluh tahun dia merantau ke Jakarta tetapi akhirnya dia pulang ke tanah airnya sendiri **bagai ikan pulang ke lubuk.**

(iii) sediakan payung sebelum hujan

Maksud :

Bersiap siaga terlebih dahulu untuk menghadapi sesuatu bencana

Ayat :

Sediakan payung sebelum hujan kerana malang tidak berbau dan bila-bila masa saja kita mungkin ditimpa kemalangan atau kesukaran.

(6 markah)

PEMAHAMAN PETIKAN PROSA TRADISIONAL BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA

[8 markah]

(i) Berikan maksud rangkai kata **dewal orang berzikir**. (2 markah)

- Orang berdoa / berzikir sekeliling kota (2 markah)

(ii) Apakah tindakan Sidi Arab apabila mendengar khabar Cau Pandan hendak menyerang Melaka? (3 markah)

- Berdiri di hadapan baginda (Sultan Muzaffar Syah) (1 markah)
- Dihalanya panahnya ke benua Siam (1 markah)
- Menarik panahnya sambil menyeru agar Cau Pandan mati (1 markah)

(iii) Sekiranya anda Sultan Muzaffar Syah, apakah tindakan yang anda lakukan untuk membalas jasa Sidi Arab yang telah berjaya membunuh Cau Pandan? (3 markah)

- Memberikan hadiah / persalinan pakaian (1 markah)
- Memberikan gelaran / anugerah (1 markah)
- Melantiknya sebagai pembesar istana / memberikan jawatan (1 markah)
- Mengahwinkannya dengan puteri / kerabat diraja (1 markah)

NOVEL

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

(i) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin

(ii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

(a) Berdasarkan novel yang anda kaji, jelaskan dua latar masyarakat . (7 markah)

Latar Masyarakat

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Masyarakat yang percaya dan mengamalkan perubatan tradisional

Datuk Lili pengamal kaedah rawatan tradisional. Antara pesakitnya ialah Letchumi, William Ng dan Puan Hamimah

2. Masyarakat yang mementingkan kesihatan diri

Sejak kecil lagi Lili dididik oleh ayah dan ibunya untuk menjaga kesihatan diri melalui pemakanan yang sihat

3. Masyarakat kampung yang sukar untuk bermuafakat

Penduduk di Kampung Sentosa sukar untuk membuat keputusan sama ada mahu membina masjid baharu

4. Masyarakat remaja yang runtuh akhlak

Haziq dan Rafik terlibat dengan penagihan dadah. Haziq ponteng sekolah dan pernah ditangkap oleh polis. Rafik pula menjadikan Lili sebagai tebusan apabila dikejar oleh penduduk kampung kerana mencuri

5. Masyarakat yang hidup menderita semasa zaman penjajahan dan peperangan

Semasa remaja, datuk dan nenek Lili hidup dalam zaman penjajahan, pendudukan Jepun dan pengganas komunis. Mereka menderita kerana terpaksa berpindah-randah dan bersembunyi untuk menyelamatkan diri

6. Masyarakat yang bantu-membantu untuk menyelesaikan sesuatu masalah

Haji Abdul Rahman, Puan Hamimah, Nadia, Lili, Danel dan Geetha membantu Che Jah menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga yang dialaminya

Novel Songket Berbenang Emas

1. Masyarakat kampung

Mereka tinggal di Kampung Parit Haji Rais. Haji Sulaiman merupakan ketua kampung di situ. Masyarakat kampung yang lain ialah Mak Aji, Aton, Embong, Tauke Lim dan lain-lain.

Mereka hidup bekerjasama antara satu sama lain setelah dinasihati oleh Haji Sulaiman semasa gotong-royong untuk sambutan Majlis Mauludir Rasul

2. Masyarakat guru

Cikgu Salwani (Warden Asrama) dan Cikgu Hisyam, guru kelas Dahlia

Cikgu Salwani marah apabila Dahlia mengambil keputusan untuk keluar dari asrama

Cikgu Hisyam menasihati Dahlia supaya meneruskan persekolahannya kerana dia seorang yang bijak

3. Masyarakat pelajar

Dahlia, Siti Wangi, Najib dan Kavita merupakan pelajar sekolah

Mereka bersekolah di Sekolah Menengah Temenggung Ibrahim

Mereka mewakili pelajar yang aktif dalam kokurikulum

4. Masyarakat yang saling membantu

Haji Sulaiman selaku ketua kampung membantu keluarga Dahlia / tempat Embong meluahkan perasaan.

Tauke Lim membantu memberi hutang kepada keluarga Dahlia

5. Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup

Embong tabah menghadapi keadaan hidup mereka sekeluarga yang hidup dalam kemiskinan.

Embong juga tabah apabila beliau tidak disukai oleh ibu mentuanya, Nek Kiah.

Embong tabah apabila isterinya mengalami masalah mental

Embong tetap tabah apabila rumah yang diduduki oleh keluarganya dilanda banjir

Dahlia tabah menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar walaupun emaknya dimasukkan ke hospital dan ayahnya dipatuk ular

Dahlia juga tabah apabila dihina oleh Aton yang menyalahkannya sewaktu menyelamatkan Said yang mati lemas

Dahlia juga tabah berhadapan dengan Azhari yang ingin melamarnya walaupun pada ketika itu terlalu banyak dugaan yang terpaksa ditempuhinya

6. Masyarakat yang insaf akan kesilapannya

Abu Bakar insaf akan kesilapannya yang suka membuang masa dengan rakan-rakannya. Dia juga insaf akan kesalahannya yang telah mencuri kambing milik abahnya sendiri

Nek Kiah akhirnya insaf akan sikapnya terhadap keluarga Dahlia apabila Dahlia dan emaknya yang banyak membantu beliau ketika sakit sedangkan anak-anak yang selama ini amat disayangi langsung tidak menziarahinya

7. Masyarakat yang bertanggungjawab

Haji Sulaiman bertanggungjawab membantu anak buahnya, Embong yang menghadapi masalah

8. Masyarakat remaja yang terpengaruh dengan rakan sebaya

Abu Bakar, adik Dahlia suka berseronok dengan rakan-rakannya dan tidak mahu membantu keluarga mereka yang menghadapi masalah. Dia hanya pulang ke rumah untuk menukar baju sahaja

9. Masyarakat yang penyayang

Embong sangat menyayangi anak-anaknya. Beliau sanggup bekerja dari pagi hingga malam untuk menanggung keluarganya

Dahlia juga amat menyayangi adik-adiknya. Dia sanggup ponteng sekolah apabila Anggerik sakit

Saleha juga merupakan emak yang penyayang. Semasa beliau sihat, beliau lah yang menjaga keperluan keenam-enam anaknya itu

10. Masyarakat remaja yang terlibat dalam percintaan

Azhari mencintai Dahlia. Walaupun dia mengetahui Dahlia mempunyai emaknya yang menghidap tekanan mental dan hidup dalam kemiskinan namun akhirnya dia tetap melamar Dahlia

Najib juga mencintai Dahlia. Dia mengambil berat apabila Dahlia kerap ponteng sekolah

- (b) Pengarang sering mengemukakan pelbagai nilai kemanusiaan dalam novel untuk dijadikan panduan kepada pembaca. Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan nilai setia kawan yang terdapat dalam novel-novel tersebut. (8 markah)

Nilai setia kawan

Novel Jendela Menghadap Jalan

Nilai semangat setia kawan atau persahabatan walaupun berlainan bangsa, agama dan warna kulit

Huraian:

Lili, Geetha dan Danel merupakan tiga orang sahabat baik berlainan bangsa walaupun baru sahaja berkenalan. Mereka bersama-sama menikmati keindahan matahari terbit di atas bukit. Malah Lili pandai berbahasa Mandarin kerana bersekolah di Sekolah Cina

Novel Songket Berbenang Emas

Semangat setia kawan dalam persahabatan

Huraian :

Najib dan Kavita melawat Dahlia di kampung setelah beberapa hari dia tidak hadir ke sekolah kerana menjaga adiknya, Anggerik yang demam. Najib dan Kavita turut membantu Dahlia membawa adiknya mendapat rawatan di klinik berdekatan

Kavita juga seorang yang setia kawan apabila dia sanggup membuat salinan nota-nota untuk diberikan kepada Dahlia yang kerap tidak hadir ke sekolah kerana masalah keluarganya